

28 JUN 2000

OIC-Kerangka/I

OIC BERSETUJU MENGENAI PEMBAHARUAN KERANGKA KEWANGAN ANTARABANGSA

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) telah bersetuju pada dasarnya terhadap pembaharuan di dalam kerangka kewangan antarabangsa dan pengujuduan sebuah pasaran bersama Islam.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata satu resolusi mengenai perkara itu dipersetujui oleh Jawatankuasa Ekonomi dan Hal Ehwal Sosial Persidangan Menteri Luar Negara-negara Islam (ICFM) pada satu mesyuarat di sini hari ini.

Cadangan jawatankuasa itu akan dikemukakan kepada Menteri-menteri Luar pada satu sidang pleno untuk kelulusan, katanya.

Ketika bercakap pada persidangan media semasa rehat pada hari kedua ICFM, beliau berkata jawatankuasa itu telah menerima draf cadangan Malaysia supaya kerangka kewangan antarabangsa dirombak.

Cadangan Malaysia supaya diperkukuhkan sistem perdagangan pelbagai hala juga diterima, kata Syed Hamid, yang juga pengerusi sesi ke-27 ICFM.

Beliau berkata jawatankuasa itu juga berkongsi kebimbangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung impak globalisasi dan liberalisasi perdagangan.

Jawatankuasa itu juga meluluskan satu cadangan oleh Bahrain bagi peningkatan hubungan ekonomi di kalangan negara anggota OIC berdasarkan kepada ucap-tama Dr Mahathir ketika merasmikan ICFM semalam, katanya.

Beliau berkata jawatankuasa itu bersetuju bahawa negara-negara Islam perlu memiliki ilmu pengetahuan agar dapat maju dalam bidang sains dan teknologi dan untuk meningkatkan hubungan perdagangan bagi meninggikan lagi kedudukan sosio ekonomi ummah.

Mengenai cadangan penubuhan Pasaran Bersama Islam (ICM), Syed Hamid berkata walaupun cadangan itu sudah dibuat sekian lama, kenyataan hasrat bagi penubuhannya hanya dibuat pada mesyuarat ICFM ini.

Ketika ditanya mengenai tempoh masa bagi penubuhan ICM, beliau berkata: "Kita harus membangunkannya terlebih dahulu sebagai satu konsep."

ICM tidak akan meminggirkan pasaran lain dan di bawah ICM negara-negara OIC akan menjalankan aktiviti yang dapat meningkatkan aktiviti perdagangan dan ekonomi di kalangan negara anggota, katanya.

Beliau bagaimanapun mengakui bahawa penubuhan pasaran seumpama itu akan mengambil masa yang agak panjang.

Langkah pertama ke arah mencapai objektif itu ialah dengan mengukuhkan hubungan dua hala di antara negara anggota OIC, katanya.

Kewujudan OIC sendiri telah membuka laluan untuk menimbang potensi-potensi ekonomi yang wujud di negara anggota, kata beliau.

Beliau juga berkata resolusi lain yang diterima oleh jawatankuasa itu termasuk menyelesaikan masalah ekonomi negara-negara Islam, membasmi kemiskinan di negara anggota OIC yang mundur dan beban hutang luar negara-negara Afrika dan negara OIC yang lain.

Mengenai isu hutang asing, Syed Hamid berkata OIC mengambil pendirian yang sama seperti G-77 (Kumpulan 77 negara-negara membangun) dan Pergerakan Berkecuali (NAM) agar hutang itu dilupuskan.

-- BERNAMA

MAD AKD